



23 NOV, 2024

Rampas rokok seludup RM1.92 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Kuantan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang menumpaskan aktiviti penyeludupan 2.577 juta batang rokok dianggarkan bernilai lebih RM1.92 juta dalam dua serbuan di Rompin, Pahang dan Alor Gajah, Melaka.

Pengarahnya, Mohd Asri Seman berkata, dalam kes pertama, 1.68 juta batang rokok dirampas di Batu 93, Lebuhraya Persiaran Tun Khalil Yaakob, Lebuhraya Kuantan-Segamat, Rompin, 22 Oktober lalu.

Katanya, rampasan itu dilakukan selepas menahan lori dipercayai dalam perjalanan dari pantai timur menuju ke selatan tanah air pada jam 6.50 pagi.

"Hasil pemeriksaan menemukan sejumlah kotak



MOHD Asri (dua dari kanan) menunjukkan sebahagian rokok yang dirampas.

Rampas rokok seludup RM1.92 juta

berwarna coklat yang mengandungi rokok disyaki barang larangan iaitu 1,680,000 batang rokok putih dianggarkan bernilai RM134,400 manakala cukai pula berjumlah RM1.12 ju-

ta.

"Bagi kes kedua pula, rampasan rokok dilakukan di sebuah gudang dua tingkat di Pusat Perindustrian Alor Gajah, Melaka sekitar jam 4.15 petang," katanya.



23 NOV, 2024

Rampas rokok seludup RM1.92 juta

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Ku a n t a n : Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang menumpaskan aktiviti penyeludupan 2.577 juta batang rokok dianggarkan bernilai lebih RM1.92 juta dalam dua serbuan di Rompin, Pahang dan Alor Gajah, Melaka. Pengarahnya, Mohd Asri Seman berkata, dalam kes pertama, 1.68 juta batang rokok dirampas di Batu 93, Lebuhraya Persiaran Tun Khalil Yaakob, Lebuhraya Kuantan-Segamat, Rompin, 22 Oktober lalu.